

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 2/1979.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.

**PERMIT PENGECUALIAN BAGI PENGALIHAN BAHAN  
BATU UNTUK PROJEK JABATAN YANG DIJALANKAN SENDIRI.**

Menurut Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan, Terengganu Bil. 4/1978 bertarikh 16hb. Mei, 1978, permit pengecualian pengalihan bahan batu boleh dikeluarkan kepada Ketua-ketua Jabatan bagi projek-projek jabatannya yang dijalankan olehnya sendiri.

2. Dari apa yang telah diperhatikan sehingga ini terdapat bahan-bahan batu yang diambil dan dialih untuk projek seperti ini tetapi tidak ada permit pengecualian dipohon dan dikeluarkan. Oleh yang demikian bahagian Penguatkuasa Pejabat Tanah dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki memastikan bahawa kehendak-kehendak Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan, Terengganu Bil. 4/1978 seperti yang disebut di atas diikuti.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t.  
( DATO' LELA JASA )  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

Bil. (39) dim. PTG.TR. 13/66/1 (SEM)

s.k.  
Yang Berhormat,  
Setiausaha Kerajaan,  
Terengganu.

Kuala Terengganu, 1hb. Julai, 1979.